



Konsep Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan



Apakah Makna Akauntabiliti?

Keptanggungjawab (*Kamus Istilah Pentadbiran Perniagaan Pengajian Tinggi - DBP*)

Bertanggungjawab Kepada Seseorang Mengenai Sesuatu (*Kamus Dwi Bahasa-DBP*)

Responsible, Liable or Explainable (*Webster's New World Dictionary*)

Zaman Aristotle

Buku Politics mengatakan :

"Some officials handle large sum of money; it is therefore, necessary to have other officials to receive and examine the accounts. These inspectors must administer no funds themselves. Different cities call them examiners, auditors, scrutineers and public advocates."

Chambers 20th Century Dictionary

Akauntabiliti bermaksud *"liability to give account for something to somebody; responsibility to fulfil obligation"*.

Bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ishak Tadin (1989):

"public accountability means the answerability and responsibility of person authorities public organizations for the public resources entrusted to them and their obligation to report at regular intervals to the 'owner' (the public) on the transactions and changes that may have taken place during the course of their

stewardship guardianship for a determined period of time.."

Dalam Konteks Sektor Awam

Akauntabiliti ditakrifkan sebagai tanggungjawab individu atau organisasi yang menjalankan tugas dan tanggungjawab menguruskan sumber-sumber awam melalui perwakilan kuasa. Mereka yang menerima kuasa itu perlu melaporkan balik kepada pihak yang mewakilkan kuasa segala yang dicapai melalui kuasa yang diterima. Mereka juga adalah akauntable untuk bagaimana kuasa yang diwakilkan kepadanya digunakan.

Kenapakan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Penting?

Falsafah Perbendaharaan dalam sistem pengurusan kewangan ialah **'Biar Pengurus Mengurus'**.

Selaras dengan falsafah ini, Perbendaharaan telah menurunkan kuasa untuk melakukan perbelanjaan serta agihan dan pindaan peruntukan baik belanjawan mengurus mahupun belanjawan pembangunan.

Perbendaharaan juga telah sedikit sebanyak dan secara bertahap telah melonggarkan pelbagai syarat dan

peraturan pusat berkenaan perbelanjaan. Sekatan ini dilonggarkan ataupun dihapuskan dengan harapan pengurus-pengurus awam akan dapat mengendalikan pengurusan mereka dengan cekap dan berkesan tanpa merujuk setiap cadangan untuk persetujuan ke pihak atasan termasuk Perbendaharaan.

Tuntutan Akauntabiliti

Merupakan prasyarat dalam pengurusan kuasa bukan sahaja dalam pengurusan kewangan tetapi juga dalam pengurusan secara keseluruhan.

Tanpa akauntabiliti, perwakilan kuasa hanya akan merupakan penyerahan kuasa sahaja tanpa menggariskan apa yang sepatutnya dihasilkan melalui penggunaan kuasa.

Hanya melalui akauntabiliti Perbendaharaan akan dapat menjalankan peranan kawalan perbelanjaan dalam konteks kelonggaran syarat-syarat pusat yang kini mengawal perbelanjaan dan dalam konteks penurunan kuasa.

Di Malaysia akauntabiliti awam adalah syarat undang-undang seperti yang terkandung dalam Perlembagaan, undang-undang dan peraturan dan arahan Perbendaharaan.

Akauntabiliti merupakan jaminan bahawa wang awam adalah diuruskan dengan cekap.

Proses dan mekanisme akauntabiliti akan menentukan sama ada seseorang anggota perkhidmatan awam telah:

- Membelanjakan peruntukan yang diberikan kepada agensi, program, aktiviti atau projeknya mengikut perancangan dan anggaran, sistem, prosedur dan peraturan semasa;



Apakah Jenis Akauntabiliti Yang Dituntut Daripada Seorang Penjawat Awam?

Akauntabiliti Fiskal/Kewangan

Pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan kewangan, serta integriti dalam laporan kewangan dan akaun.

Akauntabiliti pengurusan

Kecekapan dan keberkesanan pihak pengurusan dalam menggunakan sumber-sumber awam seperti wang, tenaga manusia dan sumber-sumber lain bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan

Akauntabiliti program

Perlaksanaan perjanjian program - khususnya, spesifikasi output dan impak seperti yang telah dipersetujui dengan pihak pengurusan atasan dan pihak berkuasa kewangan.

Tindakan-tindakan Bagi Meningkatkan 'Akauntabiliti'

Pihak pengurusan perlu menyatakan dengan jelas akauntabiliti setiap tugas dan tanggungjawab;

Sistem akauntabiliti perlu diwujudkan di semua agensi kerajaan yang menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap pekerja yang terlibat dalam melaksanakan satu-satu tugas. Sistem ini perlu mengandungi penentuan tanggungjawab bagi setiap pekerja dan jenis tugas yang perlu dipertanggungjawabkan kepadanya

Akauntabiliti hendaklah dinyatakan secara bertulis dan didokumenkan melalui undang-undang, prosedur, peraturan dan arahan-arahan yang spesifik.

Sistem kawalan kewangan perlu mengambil perhatian ke atas tiga aspek yang penting, iaitu :

- sistem belanjawan yang berkesan bagi pengagihan dan pembahagian peruntukan kewangan
- mengawas dan mengawal penggunaan tenaga manusia, aset dan perkhidmatan
- mewujudkan sistem perakaunan yang cekap dan kemaskini.

Sistem pengawalan dan pengawasan seperti audit dalam hendaklah dipertingkatkan keupayaannya.

Penguatkuasaan hendaklah diambil perhatian agar arahan-arahan dan peraturan jabatan dilaksanakan dengan tegas dan berkesan

Akauntabiliti di peringkat individu ditingkatkan melalui perubahan-

perubahan diri seseorang individu itu dengan penerapan nilai-nilai murni dan positif seperti Bersih, Cekap dan Amanah dan sebagainya.

PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan sektor awam melibatkan proses perancangan, pelaksanaan * dan pengawalan penggunaan aset dan sumber-sumber kewangan awam.

Ia merangkumi peruntukan pembayaran, pemberian, pengawalan, pengelolaan wang dan aset awam serta tanggungjawab pengurusan mematuhi akta-akta dan peraturan-peraturan pengurusan kewangan yang berkuatkuasa selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

Pengurusan sumber-sumber kewangan adalah sangat penting kerana sumber-sumber kewangan Negara adalah terhad berbanding dengan permintaan awam yang sentiasa bertambah.

Oleh yang demikian, kerajaan perlu memastikan bahawa setiap ringgit yang diperuntukkan dan dibelanjakan memberi hasil yang maksimum. Kawalan kewangan perlu memastikan program dan aktiviti agensi Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan pencapaiannya memenuhi objektif organisasi ke arah penyelesaian masalah atau memenuhi keperluan rakyat.

Pengawalan awam juga perlu sebagai mematuhi kehendak akauntabiliti awam iaitu untuk membuktikan bahawa segala sumber-sumber kewangan telah digunakan bagi kepentingan awam dan mengikut undang-undang.

Dasar dan strategi pengurusan kewangan awam perlu fleksibel dan bersesuaian dengan keadaan semasa Negara.

Beberapa tahun kebelakangan ini Negara menghadapi keadaan ekonomi yang sangat mencabar. Dalam usaha mengeluarkan Negara dari kemelut kegawatan ekonomi, beberapa strategi telah digubal dan didokumenkan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara.

Di antara strategi yang digunakan ialah rangsangan fiskal dan usaha mempercepatkan pelaksanaan projek-projek sektor awam yang diluluskan.

Ini bertujuan bagi membantu memulihkan permintaan dalam negeri khususnya melalui perbelanjaan sektor awam.

LIHAT MUKA SURAT 6 >>


- Mengutip hasil dengan cepat dan cekap;
- Mendapatkan pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan; dan
- Menyenggarakan aset dan stor di bawah kawalannya dengan baik

Tanpa Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Akan Wujud Kesan Negatif:

- Kekurangan/kemerosotan amaun kutipan hasil
- Pembaziran penggunaan sumber kewangan, tenaga kerja atau penggunaan masa
- Kelewatan menyiapkan sesuatu projek atau melaksanakan sesuatu program atau aktiviti yang kurang berkualiti
- Penyenggaraan aset dan stor dengan kurang sempurna - berlaku pembaziran wang dalam pembelian aset dan stor
- Melumpuhkan pengurusan perkhidmatan awam
- Membuka peluang untuk rasuah, salahguna dan penyelewengan



BIDANG-BIDANG UTAMA DALAM PENGURUSAN KEWANGAN



Pengurusan Belanjawan

Mengapakah Pengurusan Belanjawan Ini Sangat Penting?

- Membolehkan pihak pengurusan merancang hasil dan perbelanjaan jangka pendek dan jangka panjang dengan tujuan menentukan pulangan terbaik daripada setiap ringgit hasil yang dipungut
- Menentukan pengagihan sumber-sumber kewangan mengikut keutamaan dasar-dasar semasa
- Pengurusan belanjawan dapat menentukan segala matlamat dan objektif penggunaan sumber yang telah dirancang dapat dicapai sepenuhnya dengan cekap dan berkesan.
- Program dan aktiviti yang telah ditentukan bagi melaksanakan sesuatu dasar akan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dengan adanya pengurusan belanjawan yang baik.

Pengurusan Perakaunan

Rekod-rekod perakaunan yang lengkap dan sentiasa dikemaskini akan dapat :

- Membantu pihak pengurusan membuat keputusan di dalam perancangan pengagihan peruntukan dan perbelanjaan.
- Membantu kerja-kerja pengauditan dilaksanakan dengan berkesan.
- Membantu menjelaskan akauntabiliti kewangan penjawat awam.
- Seorang penjawat awam yang dipertanggungjawabkan di dalam hal pengurusan perakaunan seharusnya mengambil berat dan memastikan segala urusan rekod dan perakaunan dilaksanakan dengan baik serta berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan semasa.

Pengurusan Hasil

Pungutan hasil yang cekap membolehkan kerajaan :

- Menguruskan pengaliran wang tunai dengan berkesan bagi menyumbang kepada pengurusan perbelanjaan yang berkesan dan sistematik.
- Menanggung perbelanjaan dengan hasil yang dikutip. Segala usaha ini akan meringankan beban kerajaan.
- Tindakan sama ada secara undang-undang

atau lain-lain cara yang berkesan hendaklah diambil bagi memungut tunggakan hasil dan bayaran yang belum selesai.


- Resit rasmi hendaklah dikeluarkan dengan segera bagi semua terimaan wang.
- Semua pungutan hasil dimasukkan ke dalam bank seberapa segera yang boleh.
- Satu penyata pungutan hasil hendaklah disediakan dan dikemaskini. Penyata ini hendaklah disesuaikan dengan hasil yang dipungut dan tunggakan hasil.

Pengurusan Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan yang baik dan berkesan memenuhi perkara-perkara berikut :

- Perbelanjaan yang dilakukan hendaklah selaras dengan peraturan sedia ada. Baucer-baucer yang dikemukakan untuk bayaran hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen yang lengkap.
- Perbelanjaan tidak boleh melebihi peruntukan yang diluluskan
- Jika peruntukan berkurangan perlu membuat virement
- Perbelanjaan perlu mendapat kelulusan pegawai yang bertanggungjawab.

PENGURUSAN PERBELANJAAN - PROSES BAYARAN DI JABATAN KERAJAAN



PENGURUSAN PEROLEHAN

- Perolehan barang-barang awam telah menjadi semakin kompleks.
- Kerajaan membelanjakan berbilion ringgit wang awam untuk tujuan ini.

- Apa yang jelas, urusan perolehan kerajaan bukanlah suatu urusan yang boleh dipandang ringan. Perhatian yang lebih serius perlu diberikan kepada perkara ini.
- Sistem yang melibatkan peraturan dan tatacara perolehan yang berkesan mestilah dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh semua jabatan dalam sektor awam.
- Perolehan hendaklah diuruskan dengan teliti supaya kerajaan dapat pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
- Perolehan boleh dibuat dengan cekap jika :
 - Spesifikasi barang/perkhidmatan ditentukan terlebih dahulu.
 - Dasar dan peraturan, tatacara perolehan dipatuhi.

PENGURUSAN ASET

- Memandangkan kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk urusan perolehan maka sudah semestinya kerajaan memerlukan pula satu sistem pengurusan aset bagi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan atau pembaziran.
- Semua penjawat awam perlulah sedar bahawa mereka dipertanggungjawabkan untuk mengurus sama ada secara langsung atau tidak langsung aset awam ini.
- Kerajaan memerlukan satu sistem kawalan aset awam yang lengkap dan bersepadu serta mudah untuk mengesan dan mengawal:
 - Harta modal, inventori dan bekalan pejabat.

KELEMAHAN PENGURUSAN DAN AKAUNTABILITI KEWANGAN

- Kutipan lewat direkodkan dalam buku tunai
- Pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan barangan berharga tidak dibuat sekali dalam tempoh 6 bulan.
- Daftar bil dan buku vot tidak diselenggarakan.
- Borang pesanan kerajaan tidak diisi dengan lengkap.
- Penyata penyesuaian hasil dan perbelanjaan tidak disediakan.
- Daftar harta modal dan daftar inventori tidak diselenggarakan
- Verifikasi stok tidak dijalankan.

PENUTUP

Sistem pengurusan kewangan yang diamalkan oleh kerajaan pada masa ini adalah mampu untuk memenuhi keperluan Negara. Dalam hubungan ini, sistem dan peraturan-peraturan kewangan yang mengandungi prosedur atau tatacara perlaksanaannya hendaklah difahami dan dipatuhi secara menyeluruh oleh semua penjawat awam, terutama mereka yang terlibat dengan tugas-tugas pengurusan kewangan untuk meningkatkan akauntabiliti serta memantapkan keutuhan pengurusan kewangan.

Sumber:

Tn. Hj. Ayob Ismail
Diskusi Pagi 25